

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**PLG 522: Pemikiran Dan Pemahaman Guru Terhadap  
Kurikulum Dan Pedagogi**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN**

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Setiap soalan mempunyai nilai markah yang sama.

Mulakan setiap soalan baru di atas muka surat yang baru.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

1. Pemikiran guru boleh dikaji melalui beberapa pendekatan yang berbeza seperti pendekatan naratif, pemetaan kognitif, metafora, dan projeksi visual.

Pilih **DUA (2)** daripada pendekatan kajian pemikiran guru yang disenaraikan di atas dan berikan penjelasan beserta contoh-contoh yang sesuai untuk membezakan pendekatan-pendekatan tersebut.

(100 markah)

2. Linda Valli (1990) menganggap pemikiran reflektif mempunyai tiga tahap yang berbeza, iaitu tahap teknikal, praktikal dan kritikal. Sementara Donald Schon (1986) melihat pemikiran guru dalam dua perspektif iaitu: *'in-action dan 'on-action'*.

- a) Apakah perbezaan antara kedua-dua perspektif pemikiran reflektif yang tersebut di atas.

- b) Bincangkan implikasi pemikiran-pemikiran tersebut terhadap pedagogi guru.

(100 markah)

3. Bincangkan, bagaimana pengetahuan guru dan kepercayaan guru terhadap kurikulum boleh mempengaruhi amalan pedagoginya dalam bilik darjah. Jawapan anda harus disertai dengan contoh-contoh.

(100 markah)

4. a) Jelaskan **DUA (2)** konsep dan **DUA (2)** prinsip utama kajian tindakan yang menggalakkan amalan reflektif.

- b) Bagaimanakah amalan kajian tindakan guru dapat memberi faedah kepada pemikiran dan pemahaman guru terhadap kurikulum dan pedagogi.

(100 markah)

5. Pemahaman guru terhadap kemahiran pedagogi mempengaruhi tanggungjawab mereka sebagai 'pengurus yang mahir' dan 'pembuat keputusan'.

Jelaskan pernyataan di atas.

(100 markah)